

10 JUL 2001

MAHATHIR-BELANJAWAN

DR M: BANYAK PERMINTAAN UTK IMPORT BARANGAN BUATAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata terdapat banyak permintaan dari negara-negara luar untuk mengimport barangan buatan Malaysia yang dianggap berkualiti.

"Sentimen ini disuarakan oleh pemimpin-pemimpin mereka yang meminta secara khusus supaya Malaysia membekalkan barangannya", katanya ketika membuka dialog Belanjawan 2002 bersama 50 badan kerajaan serta bukan kerajaan di sini, hari ini.

Negara-negara tersebut termasuklah negara Teluk serta negara membangun yang berkeupayaan mengimport, yang sebelum ini membeli barangan dari Eropah dan kini telah mengalih minat mereka kepada Malaysia.

Oleh itu, katanya pelaburan tempatan dalam bidang pembuatan harus di pertingkatkan untuk mengimbangi pelaburan langsung asing (FDI) yang semakin berkurangan kebelakangan ini.

Beliau yang juga merangkap Menteri Kewangan berkata Malaysia mempunyai potensi untuk mengeluarkan barangan tertentu untuk dieksport.

Ini kerana pengusaha-pengusaha Malaysia mempunyai kecekapan dalam bidang pembuatan seperti perkakasan rumah, fabrikasi, perabot serta lain-lain untuk dieksport kepada rakan dagang bukan-tradisi.

Menyentuh mengenai ekonomi negara, beliau berkata dalam senario pasaran eksport yang tidak begitu menggalakkan, pertumbuhan ekonomi perlu lebih didorong oleh aktiviti-aktiviti ekonomi dalam negeri.

Meskipun pengembangan ekonomi dalam negeri lebih didorong oleh rangsangan fiskal, semua pihak terutama sekali sektor swasta perlu tampil ke hadapan untuk memainkan peranan masing-masing bagi mencergaskan lagi pertumbuhan ekonomi.

Walaupun pelaburan sektor swasta telah bertambah, namun begitu, katanya jumlah dan kadar pertumbuhannya belum memuaskan dan masih di bawah paras tahap sebelum krisis kewangan.

Justeru itu, sektor swasta perlu bergiat dengan lebih cergas supaya mereka dapat mencapai potensi pertumbuhan mereka yang sebenar.

"Peranan sektor swasta untuk menerajui semula penjanaaan pertumbuhan ekonomi adalah penting memandangkan kita tidak boleh selalu terlalu bergantung kepada kerajaan untuk mendorong kegiatan ekonomi",katanya.

Selain itu, FDI juga semakin berkurangan kerana FDI ke Asia kebanyakannya mengalir ke negeri China dan ini menunjukkan pentingnya dipertingkatkan lagi pelaburan tempatan, tambahnya lagi.-- BERNAMA

SHO ZK